

NO. SOALAN : 421

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[BACHOK]**

**SOALAN**

TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [ BACHOK ] minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan jumlah pertemuan perbincangan dan apakah maklum balas yang diterima oleh Kerajaan daripada penduduk setempat yang menerima kesan langsung daripada cadangan projek pembinaan empangan Lebir dan Nenggiri.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi Projek Hidroelektrik Nenggiri, sepanjang tempoh tiga (3) tahun terakhir sejak 2014, sebanyak 16 program atau pertemuan dengan penduduk setempat telah diadakan oleh pihak-pihak yang berkaitan, di mana **enam (6) pertemuan** diadakan oleh pihak UKM Pakarunding (UKMP) yang dilantik sebagai perunding alam sekitar bagi Projek ini, manakala **dua (2) pertemuan** adalah dalam bentuk mesyuarat penyelarasan yang dikelolakan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang. **Tiga (3) pertemuan** lagi diadakan dalam proses mendapatkan input-input untuk mereka bentuk Projek Penempatan Semula, dan **lima (5) program** berbentuk aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB).
  
2. Selain itu, Kajian Penerimaan Awam telah dilaksanakan pada tahun 2014. Kajian tersebut mendapati bahawa 76.7 peratus daripada 291 responden menerima cadangan pembangunan Projek ini.

Manakala hasil kaji-selidik sosioekonomi yang dilaksanakan pada Mac 2017 mendapati 75% responden bersetuju bahawa projek ini memberi impak positif kepada kawasan sekitar.

3. Bagi projek Hidro Elektrik Lebir pula, Kerajaan telah memutuskan bahawa fungsi penjanaan tenaga elektrik tidak akan dimasukkan dalam cadangan untuk membangunkan Empangan Lebir. Sehubungan itu, aktiviti-aktiviti seperti perjumpaan dan penglibatan sosial dengan pihak tempatan tidak lagi dilaksanakan bagi projek ini.

Sekian, terima kasih

.....